

**1Malaysia Platform Baik Pembinaan Semula Sri Lanka: Pemangku Pesuruhjaya Tinggi
Bernama
4 Februari, 2013
Oleh Nabilah Saleh**

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Konsep 1Malaysia merupakan platform yang baik bagi rakyat Sri Lanka untuk mempelajari dan membuat penyesuaian dalam usaha membangunkan semula negara selepas tanah air mereka dilanda perang saudara selama tiga dekad dan berakhir pada 2009, kata pemangku pesuruhjaya tinggi negara itu ke Malaysia Mej Jen Lalith Daulagala.

Perang itu merupakan sejarah duka bagi rakyat Sri Lanka, yang kini bertekad untuk kembali bersatu, katanya kepada Bernama selepas upacara menaikkan bendera sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-65 negara itu di Suruhanjaya Tinggi Sri Lanka di sini Isnin.

"Sebenarnya, Malaysia dan Sri Lanka berkongsi sentimen yang sama kerana kedua-dua negara mempunyai penduduk pelbagai etnik, bahasa dan agama serta terkenal di seluruh dunia sebagai negara yang mempunyai pelbagai budaya," katanya.

Beliau berkata setelah berakhirnya konflik dalaman selama 30 tahun, kini Sri Lanka memberi fokus untuk memajukan ekonominya.

"Kini, kami gigih berusaha untuk memajukan sektor berpotensi seperti pengairan, pelancongan, pertanian dan perikanan.

"Semua langkah ini disasar ke arah menjadikan Sri Lanka sebuah negara yang benar-benar maju dan makmur," katanya.

Beliau berkata sejajar dengan itu, rakyat Sri Lanka ingin melihat secara lebih dekat konsep 1Malaysia yang diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Berucap pada majlis itu, Daulagala berkata Malaysia dan Sri Lanka mempunyai hubungan baik, manakala kerjasama antara kedua-dua negara dalam bidang pertahanan dan keselamatan meningkat dengan ketara seperti yang dapat dilihat melalui lawatan peringkat tinggi dan kerjasama latihan dalam bidang pertahanan.

Hari Kemerdekaan Sri Lanka disambut pada 4 Feb bagi memperingati kemerdekaan negara itu daripada pemerintahan British pada 1948.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=925974>